

# Dr M dijangka panggil BN Sarawak bincang pilihan raya

BH 19 MAR 2007

Oleh Amirullah Andi Nur

MIRI Ahad – Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memanggil semua parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak dalam tempoh terdekat ini untuk berbincang mengenai pilihan raya negeri akan datang.

Tambahan Ketua Menteri Tan Sri Dr George Chan Hong Nam berkata mesyuarat majlis tertinggi BN di ibu negara Jumaat lalu tidak sempat membincangkan topik itu berikutan

kesuntukan masa

Mesyuarat tempoh hari terlalu banyak bertumpu kepada agenda sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah sehingga tidak sempat menyentuh mengenai topik ini.

Kita kena tunggu mesyuarat seterusnya dalam tempoh terdekat ini yang bakal ditetapkan oleh Presiden parti, katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada mesyuarat Majlis Tertinggi BN di ibu negara Jumaat lalu turut membincangkan

## Perdana Menteri selaku Pengerusi BN memerlukan banyak masa bagi membincangkan topik itu sehingga memilih menangguhkannya pada mesyuarat akan datang

topik pilihan raya negeri kelapan.

Dr Chan yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) berpendapat Perdana Menteri selaku Pengerusi BN memerlukan banyak masa bagi membincangkan topik itu sehingga memilih me-

nyuarat akan datang.

Mungkin ada beberapa keputusan penting perlu dibuat membabitkan topik pilihan raya negeri hingga menyebabkan Presiden parti mahu ia dibincangkan secara mendalam dalam mesyuarat akan da-

tang, katanya.

Ketika ditanya kemungkinan mesyuarat itu akan diadakan sebelum penghujung bulan ini, Dr Chan berkata, "Itu saya tak berani nak kata tapi ia dijangka diadakan dalam tempoh terdekat ini."

Selain SUPP, komponen

BN Sarawak turut dianggotai Parti Pesaka Bumi, Parti Bersatu (PBB), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Pilihan raya negeri Sarawak yang kelapan perlu diadakan sebelum 8 November ini serentak dengan berakhirnya tempoh pemerintahan kerajaan negeri sekarang.

Dalam perkembangan lain, Dr Chan yang juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam negeri

mengesahkan Sarawak turut mengalami kesan daripada kejatuhan ekonomi Amerika Syarikat.

Katanya, industri elektronik adalah yang paling teruk terjejas berikutan negara itu menjadi antara pengimport utama barangan berkenaan.

Bagaimanapun perkembangan itu tidak memberi kesan menyeluruh kepada Sarawak, turut terbit dengan pelbagai jenis industri lain seperti pertanian, katanya.